

GHARAR DALAM PERSPEKTIF FIQH AL-HADITH: ANALISIS TERHADAP 'ILLAH DAN PRINSIP

Abdul Hadi bin Awang⁸⁵

Pengenalan

Umat Islam di Malaysia mutakhir ini telah mula mempraktikkan ajaran Islam dalam setiap penjurua kehidupannya daripada aspek ibadah, ekonomi, perbankan hinggalah kepada aspek politik. Oleh sebab yang demikian, para sarjana Islam pada hari ini bertungkus lumus membongkar khazanah ilmu Islam untuk merungkaikan permasalahan seharian umat Islam demi memastikan setiap langkah yang diambil dalam kehidupan manusia tidak terlepas daripada panduan syara'.

Dalam aspek ekonomi, ada tiga persoalan penting yang menentukan sama ada sesuatu urusan itu halal ataupun haram di sisi Islam. Tiga persoalan tersebut ialah:⁸⁶

1. *Riba*
2. *Gharar*
3. *Ghish*

Persoalan *gharar* sememangnya menjadi perhatian kebanyakan ulama sejak dahulu lagi terutama para ulama', ahli-ahli akademik dan tokoh-tokoh dalam bidang muamalat sama ada perhatin tersebut tercatat di dalam karya-karya mereka ataupun secara lisan. Tetapi kajian khusus mengenai sumber hukum *gharar* yang diambil daripada koleksi-koleksi hadith yang berautoriti kurang diberi perhatian oleh sarjana Islam.

Oleh sebab yang demikian satu kajian yang menyeluruh mengenai *gharar* berdasarkan hadith-hadith sangat perlu dilakukan. Kajian ini bukan sahaja dapat memberikan penjelasan mengenai *gharar* yang terdapat di dalam koleksi hadith Nabawi bahkan ianya dapat menyelami prinsip dan

85 Pegawai Penyelidik, Institut Kajian Hadis (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

86 Abdullah Bin Nasir Al-Silami (Dr) (2004), *Al-Ghish Wa Atharuhu Fi Al-'Uqud*, Arab Saudi: Dar Kunuz Ishbilila, j1, h 8.

kehendak Sunnah Nabawi yang sebenarnya. Justeru, pengkaji mengambil inisiatif untuk melakukan kajian terhadap persoalan gharar yang memberikan tumpuan kepada hadith-hadith *gharar* dari aspek 'illah dan prinsip.

Definisi *Gharar*

Perkataan *gharar* berasal daripada akar kata *gharra*⁸⁷ di mana daripada kata akar tersebut lahir kata terbitan *gharar*. Dikatakan asal maksud perkataan *gharar* ialah *al-nuqsan*⁸⁸ iaitu berkurang.⁸⁹ Dalam bahasa Arab jika disebutkan *gharat al-naqah* ianya membawa maksud telah berkurang susu unta itu.

Menurut bahasa Arab perkataan *gharar* mengandungi beberapa makna iaitu *al-khatar*⁹⁰ yang bermaksud bahaya, pertaruhan, gantian atau habuan,⁹¹ *al-khida*⁹² yang bermaksud menipu atau memperdaya⁹³ dan *al-jahl*⁹⁴ iaitu tidak mengetahui.⁹⁵ Dalam *Tartib al-Qamus al-Muhit* dan *Lisan al-'Arab*⁹⁶ juga menyebut *gharar* bermaksud memperdaya dan memakan harta dengan cara yang salah. *Al-gharar* adalah *ism* daripada *al-taghrir* yang bermaksud seseorang mendedahkan dirinya atau hartanya kepada kebinasaan tanpa dia mengetahui dan menyedarinya. Dalam istilah perundangan Islam, *gharar* dikaitkan dengan kontrak jual beli yang diharamkan kerana mengandungi unsur-unsur keraguan yang mungkin akan menyebabkan perselisihan antara pembeli dan penjual.⁹⁷

Secara umumnya daripada pendapat yang telah dikemukakan, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa makna *gharar* dari sudut bahasa

87 Ibn Manzur, *Lisan al 'Arab* (1994). Beirut: Lubnan, j 5, h 11.

88 Mahmud Abd Rahman Abd Mun'im, (Dr.), *Mu'jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah* (1999). Kaerah: Dar al-Fadilah, j 3, h 8.

89 Uthman bin Haji Khalid (*et al.*), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h 242.

90 Ibn Manzur, *op. cit.*, j 5, h 13, Muhammad bin Abu Bakr bin Abdul Qadir al-Razi (666 H), *Mukhtar al-Sihah* (1967). Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, h 471.

91 Uthman bin Haji Khalid (*et al.*), *op. cit.*, h 642.

92 Al-Tahir Ahmad al-Razi, *Tartib al-Qamus al-Muhit*. Kaerah: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Sharikahu, j 3, h 380.

93 Uthman bin Haji Khalid (*et al.*), *op. cit.*, h 580.

94 Ibrahim Anis, Dr. (*et al.*), *al-Mu'jam al-Wasit*. j 2, t.pn.: t.tp, h 648.

95 Uthman bin Haji Khalid (*et al.*), *op. cit.*, h 359.

96 Ibn Manzur, *op. cit.*, j 5, h 11.

97 Wan Marhaini Wan Ahmad (*et al.*), *Riba dan Gharar Dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh*, Jurnal Fiqh Bil.2 (2005), h101.

memberi maksud yang tidak banyak berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, *gharar* boleh didefinisikan sebagai bahaya, pertaruhan, menipu atau memperdaya, tidak mengetahui serta meliputi semua perkara penipuan dan seumpamanya untuk mencapai satu tujuan iaitu mendapatkan sesuatu perkara atau harta dengan cara yang salah dan tidak sepatutnya.

Di dalam al-Quran tidak terdapat nas-nas yang menyebutkan mengenai larangan jual beli *gharar* secara langsung, namun al-Quran menyentuh secara umum larangan jual beli *gharar* melalui larangan memakan harta dengan cara yang salah dan penipuan yang menjadi punca kepada pergaduhan dan perselisihan, antaranya;

“Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu makan harta orang lain dengan cara yang dilarang, sebaliknya berdaganglah sesama kamu dengan saling redha meredhai...” (al-Nisa’: 29)

“Celakalah bagi mereka yang terlibat dengan penipuan, mereka yang ingin ketepatan semasa orang lain menimbang bagi mereka, tetapi mengurangkan timbangan apabila mereka menimbang untuk orang lain.” (al-Mutaffifin: 1-3)

Sementara dalam nas-nas hadith, sememangnya terdapat hadith-hadith yang secara langsung melarang jual beli *gharar* di samping terdapat contoh-contoh jual beli yang mengandungi *gharar* daripada hadith-hadith tersebut, seperti yang direkodkan oleh Imam Muslim;⁹⁸

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ نَبِيُّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْحَصَاةِ وَعَنْ بَيْعِ
الْعَرَرِ

Terjemahan

Daripada Abi Hurayrah berkata, Rasulullah s. ‘a.w telah melarang daripada jual beli al hasah dan jual beli gharar.

Contoh-contoh jual beli yang mengandungi *gharar* seperti yang terdapat dalam hadith di atas menjadi rujukan penting kepada para sarjana Islam klasik mahupun kontemporari dalam memberikan definisi *gharar* mengikut kefahaman masing-masing. Hasilnya, definisi yang telah diberikan oleh sarjana klasik dapat dibahagikan kepada tiga pendapat. Ibn ‘Abidin mendefinisikan *gharar* sebagai syak terhadap kewujudan barang sama ada

98 Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi (2000), *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min al-Sunan bi Naql al-‘Adl ‘an Rasulillah s. ‘a.w* dalam *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’, hadith nombor 3808, h 939.

dapat atau tidak barang yang telah dibeli tersebut. Ibn Hazam pula mendefinisikan *gharar* sebagai *jahalalah* iaitu ketidaktahuan terhadap barang yang dijual, pembeli tidak tahu apa yang dibelinya dan penjual juga tidak tahu apa yang dibelinya sementara pendapat ketiga ialah dengan menggabungkan kedua-dua definisi di atas seperti al-Sarakhsi mendefinisikan *gharar* sebagai apa yang membawa kepada akibat yang tersembunyi dan tidak diketahui⁹⁹ dan definisi inilah yang dipegang oleh kebanyakan sarjana klasik Islam.

Para sarjana kontemporari seperti Profesor Dr. Yusuf al-Qaradawi telah mendefinisikan *gharar* sebagai jual beli barangan yang tidak diketahui dan tidak ditentukan dengan jelas sesuatu barang dagangan tersebut. Beliau memberikan beberapa jual beli yang termasuk dalam jual beli *gharar* iaitu jual beli kandungan unta, burung di udara dan ikan dalam air¹⁰⁰ manakala Profesor Dr. Wahbah al-Zuhayli pula telah menyenaraikan beberapa takrifan daripada ulama' mazhab sebagai perbandingan. Kesimpulannya beliau berpendapat *gharar* ialah satu pertaruhan iaitu kewujudan sesuatu barang itu tidak jelas atau tidak kukuh. Boleh jadi sesuatu barang itu wujud dan boleh jadi tidak. Manakala jual beli *gharar* bagi beliau ialah jual beli sesuatu yang tidak pasti kewujudannya, atau tidak diketahui sedikit atau banyak sesuatu barang itu ataupun ketidakmampuan dalam menghantar barang jualan.¹⁰¹

Berdasarkan kepada perbincangan dan pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh para sarjana Islam klasik mahupun kontemporari, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa *gharar* adalah satu jenis pertaruhan dalam jual beli apabila pembeli tidak mengetahui sifat dan keadaan barang serta apa yang akan didapatinya selepas sesuatu jual beli. *Gharar* juga memberi maksud pembeli tidak tahu natijah akhir selepas membeli sesuatu barang sama ada barang tersebut wujud atau tidak, mampu diserahkan atau tidak. *Gharar* juga berlaku apabila penjual menjual barang yang tidak dimiliki sepenuhnya oleh penjual.

99 Al-Sidiq Muhammad al-Amin al-Dharir (1993), *al-Gharar fi al-'Uqud wa Atharuhu fi al-Tatbiqat al-Mu'asarah*, cet. pertama, Jeddah: Ma'had al-Islami li al-Buhuth wa al-Tadrib al-Bank al-Islami li al-Tanmiyah, h 11.

100 Yusuf al-Qaradawi (Prof. Dr.), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h 211.

101 Wahbah al-Zuhayli (Prof. Dr.), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, cet. Ketiga (1989), Damsyik: Dar al-Fikr, j 4, h 437.

Secara umumnya, semua sarjana bersepakat bahawa kewujudan *gharar* dalam jual beli telah menimbulkan keraguan terhadap barang jualan dan menaikkan kadar risiko kepada pembeli mahupun penjual.

Jenis-Jenis *Gharar*

Asasnya jual beli *gharar* adalah dilarang oleh Islam. Maksud jual beli *gharar* yang dilarang ialah jual beli yang jelas terdapat *gharar* padanya dan *gharar* tersebut boleh dipisah dan diasingkan daripada sesuatu jual beli tersebut. Namun dalam sesetengah keadaan terdapat sedikit kelonggaran yang dibenarkan dalam Islam mengikut kadar *gharar* yang terdapat dalam sesuatu jual beli tersebut. Malah jika terdapat keperluan yang mendesak, hukum *gharar* boleh berubah menjadi harus dan dibenarkan oleh syara'.¹⁰²

Gharar terbahagi kepada *gharar* yang banyak, sedikit dan sederhana. Jual beli yang terdapat padanya kadar *gharar* yang banyak adalah dilarang secara *ijma'*¹⁰³ seperti jual beli burung di udara. Jual beli yang kadar *ghararnya* sedikit adalah diharuskan oleh *ijma'*¹⁰⁴ seperti jual beli rumah di mana pembeli tidak mengetahui keadaan asas rumah tersebut sama ada sempurna atau tidak. Dalam keadaan ini, *gharar* yang sedikit ini dibolehkan. Imam al-Nawawi meletakkan dua prinsip jual beli yang dikecualikan daripada *gharar* yang menurut hemat pengkaji, contoh-contoh yang diberikan oleh Imam al-Nawawi dalam menjelaskan dua prinsip ini adalah contoh-contoh yang sama dengan jual beli yang mengandungi *gharar* yang sedikit dan diharuskan oleh syara'. Oleh sebab yang demikian, pengkaji meletakkan jual beli yang dikecualikan daripada *gharar* di bawah tajuk jual beli yang mengandungi *gharar* yang sedikit.

Prinsip-prinsip yang membolehkan *gharar* itu dikira sebagai sedikit ialah pertama; barang yang dijual secara bersama iaitu sekiranya barang tersebut dipisahkan tidak sah penjualannya seperti jual beli bangunan yang dijual bersama asas bangunan dan jual beli binatang yang dijual bersama susu di dalam labu susu binatang tersebut manakala kedua; perkara yang dimudahkan dalam masyarakat secara adat sama ada terlalu kecil perkiraannya atau terlalu sukar untuk membeza-bezakannya atau sukar untuk

102 Mahyuddin Abi Zakaria Yahya bin Sharaf al-Nawawi, *al-Majmu'*, Kaherah: Dar al-Dhahabiyah, j 9, h 311.

103 Wahbah al-Zuhayli, *op.cit.*, j 4, h 440.

104 *Ibid.*

menentukannya seperti kadar bayaran sewa yang sama untuk menggunakan tandas tetapi berbeza pada kadar masa setiap orang yang menggunakan tandas dan berbeza pada kadar air yang digunakan di dalam tandas.¹⁰⁵

Jual beli yang mengandungi kadar *gharar* yang sederhana pula bermaksud unsur-unsur *gharar* dalam sesuatu jual beli tidaklah terlalu banyak tetapi tidak pula terlalu sedikit. Dalam hal ini, ulama' berbeza pendapat sama ada jenis *gharar* ini akan mengikut jual beli *gharar* yang sedikit atau banyak seperti hukum jual beli barang yang ghaib iaitu barang yang tidak wujud di depan mata terbina di atas kaedah ini. Bagi yang berpendapat *gharar* sederhana adalah lebih tinggi *ghararnya* daripada *gharar* yang sedikit, maka mereka memasukkannya ke dalam *gharar* yang banyak, maka jual beli ini tidak sah manakala bagi yang berpendapat *gharar* sederhana itu lebih rendah *ghararnya* daripada *gharar* yang banyak, maka mereka memasukkannya ke dalam *gharar* yang sedikit, maka jual beli ini dikira sebagai sah.¹⁰⁶ Perbezaan pendapat di kalangan ulama' mengenai *gharar* yang sederhana ini tidak berlaku kepada kaedah asal *gharar*, tetapi perbezaan ini berlaku ketika proses mempraktikkan kaedah tersebut.

Gharar Menurut Fiqh Al-Hadith

Terdapat banyak hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang menyebut secara jelas mengenai *gharar* secara umum ataupun jenis-jenisnya. Secara umumnya, kebanyakan para sahabat meriwayatkan hadith berkenaan *gharar* dengan nas yang sama atau hampir sama dengan dengan hadith riwayat Abu Hurayrah seperti di bawah;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْحَصَاةِ وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ^{١٠٧}

105 Al-Nawawi, *al-Majmu'*, *op.cit.*, j 9 h 311

106 Mahyuddin Abi Zakaria Yahya bin Sharaf al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Kaherah: Dar al-Dhahabiyah, j 5, h 373.

107 Muslim, *Sahih Muslim* (2000), *op.cit.*, hadith nombor 3808, h 939, Abi Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Buyu', Bab fi Bay' al-Gharar, j 3, h 254, hadith nombor 3376, al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab Anwa' al-Buyu', Bab Ma Ja'a fi Karahiyah Bay' al-Gharar, j 3, h 524, hadith nombor 1230, dengan mendahulukan perkataan بَيْعِ الْغَرَرِ dan tanpa perkataan عَنْ sebelum perkataan بَيْعِ الْحَصَاةِ, Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Tijarat, Bab al-Nahy 'an Bay' al-Hasah wa 'an Bay' al-Gharar, j 2, h 739, hadith nombor 2194, al-Nasa'i, *Sunan al-Nasa'i*, Kitab al-Buyu', Bab Bay' al-Hasah, j 7, h 262, hadith nombor 4518.

Terjemahan

Daripada Abi Hurayrah berkata, Rasulullah s. 'a.w telah melarang daripada jual beli al hasah dan jual beli gharar.

Imam al-Bukhari pula tidak meriwayatkan hadith sahih berkaitan larangan jual beli *gharar*, tetapi terdapat dalam Sahih al-Bukhari bab yang bertajuk '*Bab Bay' al-Gharar wa Habal al-Habal*' dan beliau menyebut dalam bab ini hadith larangan *bay' habal al-habal*, *bay' al-munabadhah wa al-mulamasah*. Al-'Ayni menjelaskan sebab Imam al-Bukhari tidak memasukkan hadith berkaitan *gharar* dalam Sahih al-Bukhari dengan katanya bahawa jual beli *gharar* adalah umum dan mempunyai banyak jenis, sementara *bay' habal al-habal* merupakan jenis daripada jenis-jenis jual beli *gharar*. Apabila Imam al-Bukhari menyebutkan hadith *bay' habal al-habal*, ia secara spesifik menunjukkan jenis jual beli ini mengandungi *gharar* yang mempunyai '*illah* yang sama dengan jual beli yang lain iaitu *gharar*'.¹⁰⁸

Jenis-jenis *gharar* menurut koleksi hadith terutamanya hadith-hadith yang dihimpunkan daripada *al-kutub al-sittah* adalah seperti berikut;

1. Bay' al-Hasah¹⁰⁹

Bay' al-hasah menurut Imam al-Nawawi dalam syarahnya kepada *Sahih Muslim* mempunyai tiga kaedah pelaksanaannya iaitu:¹¹⁰ pertama: Apabila si penjual berkata, "Aku jual kepada kamu mana-mana baju daripada baju-baju ini yang terkena lontaran batu yang aku lontar," ataupun jika si penjual

108 Al-Sidiq Muhammad al-Amin al-Dharir (1995), *al-Gharar wa Atharuhu fi al-'Uqud fi al-Fiqh al-Islami*, cet. kedua, Beirut: Dar al-Jayl, h 80-81.

109 Muslim, *op.cit.*, hadith nombor 3808, h 939, Abi Daud Sulayman bin al-Asy'as al-Sajistani (2000), *Sunan Abi Dawud dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', hadith nombor 3376, h 1476, Muhammad bin 'Isa al-Tirmidhi (2000), *Jami' al-Tirmidhi dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', hadith nombor 1230, h 1774, Ahmad bin Shu'ib bin 'Ali al-Nasa'i (2000), *Sunan al-Nasa'i dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', hadith nombor 4522, h 2381, Muhammad bin Yazid al-Qazwayni (2000), *Sunan Ibn Majah dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', hadith nombor 2194, h 2608.

110 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi, op.cit.*, j 5 h 373, lihat juga Abi Tayyib Muhammad Shams al-Haq al-'Azim al-Abadi (2007), '*Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j 5, h 236.

berkata, “Aku jual kepada kamu tanah ini bermula daripada tempat ini hingga sejauh mana lontaran ini jatuh.”

Kedua: Jika si penjual berkata, “Aku jual kepada kamu dengan kamu boleh membuat pilihan sehingga aku lontar batu ini.” Ketiga: Menjadikan lontaran dengan batu itu sendiri sebagai jualan seperti kata penjual, “Jika aku lontar baju ini dengan batu, maka baju ini terjual kepada kamu dengan sekian harga.”¹¹¹

Menurut al-Tirmidhi, jual beli *al-hasah* menyerupai jual beli *al munabadhah* dan kedua-duanya adalah jual beli masyarakat jahiliyyah.¹¹² Jual beli ini dilarang oleh Islam pada ketiga-tiga pendapat tentang pelaksanaan jual beli *al-hasah* seperti yang telah dibincangkan oleh para ulama'. Sebab-sebab larangan jual beli tersebut mengikut pendapat-pendapat yang telah diutarakan seperti yang berikut:

Pendapat pertama: Jual beli barang yang tidak diketahui keadaan sesuatu barang tersebut.¹¹³ Pada contoh pertama baju akan terjual apabila terkena lontaran batu sedangkan pembeli bahkan penjual sendiri pun tidak tahu baju mana yang akan terkena lontaran batu seterusnya akan terjual. Begitu juga dengan contoh yang kedua mengenai keluasan tanah yang hendak dijual. Sebesar dan seluas mana tanah yang akan terjual hanya bergantung dengan lontaran batu oleh penjual.

Pendapat kedua: Jual beli barang dengan pembeli boleh membuat pilihan tetapi dalam tempoh masa yang tidak diketahui.¹¹⁴ *Gharar* yang berlaku pada pendapat kedua ini ialah ketidaktahuan dari aspek masa untuk membuat pilihan. Pendapat ketiga: Jual beli ini menjadikan lontaran itu sendiri sebagai akad sedangkan akad ini bertentangan dengan akad-akad yang dibenarkan oleh *syara'* iaitu dengan *ijab* dan *qabul* atau *al-ta'atah* bukannya dengan lontaran.¹¹⁵

Ketiga-tiga pendapat mengenai *bay' al-hasah* adalah dilarang kerana setiap satu daripada jenis jual beli tersebut terdapat *gharar* dalamnya. *Gharar* yang

111 Abi al-'Ula Muhammad Abd al-Rahman ibn Abd al-Rahim al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j 4 h 357.

112 *Ibid.*,

113 Imam al-Suyuti wa Abi al-Hasan al-Hanafi al-Ma'ruf bi al-Sindi (1999), *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Imamayn al-Suyuti wa al-Sindi*, Kaherah: Dar al-Hadith, j 4, h 228, lihat juga Abi al-Hasan al-Hanafi al-Ma'ruf bi al-Sindi (1997), *Sunan Ibn Majah bi Sharh al-Imam al-Sindi*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, j 3, h 33.

114 Al-Suyuti *et. al.*, (1999) *op.cit.*, j 4 h 228, lihat juga al-Sindi (1997), *op.cit.*, j 3 h 33.

115 Al-Suyuti *et. al.*, (1999) *op.cit.*, j 4 h 228, lihat juga al-Sindi (1997), *op.cit.*, j 3 h 33.

berlaku dalam *bay' al-hasah*, bukan sahaja merisikokan pembeli, bahkan penjual juga menanggung risiko kerugian kerana kedua-duanya hanya bergantung dengan lontaran batu.

2. *Bay' Habal al-Habalah*¹¹⁶

Sepakat ahli bahasa mengatakan perkataan “ الحبل ” hanya digunakan untuk manusia sahaja. Adapun untuk selain manusia digunakan perkataan “ الحمل ” untuk menunjukkan keadaan mengandung. Kata Abu 'Ubayd, “Tidak pernah digunakan kepada haiwan dengan perkataan “ حبل ” melainkan pada hadith ini.”¹¹⁷

Ulama' berbeza pendapat dalam menentukan maksud jual beli *habal al habalah* seperti berikut:¹¹⁸

Pendapat pertama: Jual beli dengan bayaran bertangguh sehingga anak unta yang dilahirkan melahirkan pula anaknya. Imam Muslim menaqalkan pendapat ini daripada Ibn 'Umar dan pendapat ini juga dipegang oleh Imam Malik dan Imam Shafi'i. Pendapat kedua: Jual beli anak unta yang hamil. Pendapat ini dipegang oleh Abi 'Ubayd Ma'mar bin al-Muthanna, Abi 'Ubayd al-Qasim bin Salam dan juga pendapat yang dipegang oleh ahli bahasa, Imam Ahmad bin Hanbal dan Ishaq bin Rahawayh. Pendapat ini lebih dekat kepada maksud hadith dari segi bahasa tetapi perawinya ialah Ibn 'Umar dan beliau telah mentafsirkan dengan pendapat pertama sedangkan beliau lebih mengetahui mengenai hadith tersebut. Menurut mazhab al-Shafi'i dan *muhaqqiqiy al-usuliyin* pendapat perawi lebih diutamakan sekiranya tidak bercanggah dengan zahir bahasa.

Oleh sebab itu, terdapat penambahan matan hadith daripada riwayat Imam al-Bukhari yang disebut dalam ilmu *mustalah al-hadith* sebagai *al-*

116 Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (2000), *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min 'Umur Rasulillah s.'a.w wa Sunanihi wa Ayyamihi* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', hadith nombor 2143, h 167, hadith nombor 2256, h 175, hadith nombor 3843, h 312, Muslim, *op.cit.*, hadith nombor 3809, 3810, h 939, Abi Dawud, *op.cit.*, hadith nombor 3380, 3381, h 1476, Al-Tirmidhi, *op.cit.*, hadith nombor 1229, h 1774, Al-Nasa'i, *op.cit.*, hadith nombor 4626, 4627, 4628, h 2386, Ibn Majah, *op.cit.*, hadith nombor 2197, h 2608.

117 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, h 374.

118 *Ibid.*, lihat juga Ibn Hajar al-'Asqalani (1993), *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari* (1993), Kaherah: Dar al-Ghad al-'Arabi, j 7, h 57.

*idraj*¹¹⁹ oleh perawi hadith iaitu Ibn ‘Umar untuk mentafsirkan dan memberi penerangan dengan lebih jelas mengenai *bay’ habal al-habal*.¹²⁰

Jual beli ini dilarang dalam Islam daripada kedua-dua pendapat tadi. Sebab jual beli ini dilarang mengikut pendapat-pendapat di atas adalah seperti berikut: pendapat pertama: Jual beli dengan bayaran bertanggung yang tidak diketahui masanya¹²¹ walaupun tempoh masa yang tidak diketahui tersebut disandarkan kepada sesuatu yang diketahui dengan adat dan kebiasaan¹²². Pendapat kedua: Jual beli barang yang tidak wujud, jual beli barang yang tidak diketahui, tidak dimiliki oleh penjual dan tidak mampu untuk diserahkan barang tersebut.¹²³

Jual beli apa yang terkandung dalam perut binatang juga termasuk dalam jual beli *gharar*, tetapi jual beli seperti ini dinamakan oleh Sa’id bin al-Musayyab seperti diriwayatkan daripada Imam Malik dalam al-Muwatta’ sebagai jual beli *al-mudamin*. Tetapi setengah pendapat lain menamakannya sebagai jual beli *al-malaqih*.¹²⁴

Kedua-dua tafsiran ulama’ mengenai jual beli ini mengandungi *gharar* yang dilarang. Pada tafsiran pertama, *gharar* berlaku kerana tempoh masa bayaran yang tidak ditetapkan manakala pada tafsiran kedua, *gharar* berlaku kerana terdapat jual beli *ma’dum* iaitu jual beli anak unta yang hamil. Anak unta yang masih dalam kandungan belum pasti selamat dilahirkan atau mungkin mati sebelum dilahirkan.

119 *Al-idraj* ialah penambahan daripada perawi hadith sama ada pada sanad atau matannya yang tiada pada asalnya. Hukumnya haram dengan *ijma’* ulama’ daripada ulama’ hadith dan ulama’ feqah dan selainnya kecuali bertujuan untuk menjelaskan makna hadith yang sukar untuk difahami seperti yang telah dilakukan oleh al-Zuhri. Lihat Jalal al-Din al-Suyuti (2004), *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*, Kaherah: Dar al-Hadith, h 234, lihat juga Dr Mahmud al-Tahhan (2004), *Taysir Mustalah al-Hadith*, Riyadh: Maktabah al-Ma’arif li al-Nasr wa al-Tawzi’, h 133.

120 Al-‘Asqalani (1993), *op.cit.*, h 56.

121 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 374, lihat juga al-‘Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 238, lihat juga al-Sindi (1997), *op.cit.*, j 3 h 35.

122 Al-‘Asqalani (1993), *op.cit.*, h 201.

123 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 374, lihat juga al-‘Asqalani (1993), *op.cit.*, h 57, lihat juga al-Suyuti *et. al.* (1999) *op.cit.*, j 4 h 272, lihat juga al-‘Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 238, lihat juga al-Sindi (1997), *op.cit.*, j 3 h 35.

124 Al-‘Asqalani (1993), *op.cit.*, h 58.

3. *Bay' al-Mulamasah*¹²⁵

Ulama' berbeza pendapat dalam mendefinisikan *bay' al-mulamasah* kepada tiga pendapat:¹²⁶ pendapat pertama: Jual beli berlaku apabila penjual menjual pakaian dengan cara menghimpunkannya semua sekali atau menjual dalam suasana yang gelap kemudian apabila pakaian tersebut disentuh oleh pembeli, maka kata si penjual, "Aku jual pakaian tersebut kepada kamu dengan sekian harga tetapi syaratnya sentuhan kamu itu seumpama pandangan kamu dan tidak ada *khiyar* lagi sekiranya kamu melihatnya." Pendapat ini lebih bertepatan dengan tafsiran hadith.

Pendapat kedua: Menjadikan sentuhan itu sendiri sebagai *sighah* jualan tanpa ada *sighah* tambahan seperti kata penjual, "Jika kamu sentuh pakaian itu, maka ianya terjual kepada kamu."¹²⁷ Pendapat ketiga: Menjadikan sentuhan itu sebagai syarat kepada terputusnya *khiyar majlis* dan selainnya.

Ketiga-tiga pendapat ulama' mengenai *bay' al-mulamasah* adalah dilarang sama sekali dalam Islam mengikut pendapat-pendapat di atas adalah seperti berikut:¹²⁸ pendapat pertama: Jual beli ini dilarang kerana menafikan pembeli daripada melihat barang jualan dan mensyaratkan agar tidak ada *khiyar*. Pendapat kedua: Jual beli ini dilarang kerana menafikan *sighah* dalam akad jualan. Daripada sini, ulama' berpendapat bahawa jual beli *al-mu'atah* (serah-hulur) adalah batil (haram) secara keseluruhannya. Tetapi bagi ulama' yang mengharuskan jual beli *al-mu'atah*, mereka hanya membenarkannya kepada barang-barang yang kecil atau barang-barang yang telah menjadi adat menggunakan jual beli *al-mu'atah*. Pendapat ketiga: Jual beli ini dilarang kerana mensyaratkan dinafikan *khiyar majlis*.

Ini ialah pendapat-pendapat para ulama' yang berbeza dalam mentafsirkan *bay' al-mulamasah* tetapi semuanya bertemu noktah persamaan bahawa pembeli tidak mengetahui dengan lengkap barang jualan dan menjadikan sentuhan sebagai akad jual beli secara tidak langsung.

125 Al-Bukhari, *op.cit.*, hadith nombor 2144, h 167, Muslim, *op.cit.*, hadith nombor 3805, 3806, h 939, Abi Dawud, *op.cit.*, hadith nombor 3378, h 1476, Al-Nasa'i, *op.cit.*, hadith nombor 4514, h 2380, hadith nombor 4517, 4518, 4519, 4521, h 2380.

126 *Ibid.*, h 60, lihat juga al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 371, lihat juga al-Suyuti *et. al.*, (1999) *op.cit.*, j 4 h 225, lihat juga al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 237.

127 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 372.

128 Al-'Asqalani (1993), *op.cit.*, h 61.

4. Bay' al-Munabadhah¹²⁹

Al-munabadhah ialah kata terbitan daripada perkataan (بند) yang bermaksud lontaran.¹³⁰ Ulama' berbeza pendapat dalam mendefinisikan makna *bay' al-munabadhah* kepada tiga pendapat iaitu:¹³¹ pendapat pertama: Menjadikan lontaran itu sendiri sebagai tanda jualan. Pendapat ini lebih bersesuaian dengan hadith. Pendapat kedua: Menjadikan lontaran sebagai tanda jualan tanpa *sighah*. Pendapat ketiga: Menjadikan lontaran sebagai syarat terputusnya *khiyar*. Imam al-Nawawi berpendapat jual beli *al-munabadhah* pada pendapat ketiga daripada pendapat-pendapat ulama' adalah sama dengan jual beli *al-hasah*.¹³²

Sebab dilarang jual beli *al-mulamasah* dan *al-munabadhah* ialah kerana kedua-dua jual beli tersebut terdapat unsur *gharar* dalamnya iaitu jual beli barang yang tidak diketahui dan membatalkan *khiyar majlis*¹³³. Jual beli *al-munabadhah* mirip kepada jual beli *al-mulamasah* dan jual beli *al-hasah* kerana ketiga-tiga jual beli ini berlaku *gharar* pada akad jual beli tersebut. Akad atau cara dan kaedah jualannya telah memasukkan ketiga-tiga jual beli ini dalam *gharar* yang dilarang.

5. Bay'atayn fi bay'ah¹³⁴

Jual beli *bay'atayn fi bay'ah* ini juga dikenali dengan nama *safaqatayn fi safaqah*¹³⁵ dan *shartan fi bay'*.¹³⁶ Jual beli ini bermaksud dua harga dalam satu jual beli atau dua jual beli dalam satu masa. Imam al Tirmidhi menjelaskan kaedah jual beli ini berlaku apabila penjual berkata, "Aku jual kepada kamu pakaian ini dengan harga sepuluh dirham secara tunai atau dua puluh dirham secara hutang." Tetapi sekiranya pembeli memilih salah satu daripada dua pilihan sama ada membeli secara tunai atau hutang seperti kata pembeli, "Aku beli dengan harga sepuluh dirham tunai" atau "Aku beli

129 Takhrij hadith ini sama dengan takhrij hadith *bay' al-mulamasah* kerana terdapat hadith yang sama dalam menjelaskan kedua-dua jual beli.

130 Al-Khalil al-Nahwa (1991), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Muyassar*, Tunisia: Larousse, h 477.

131 Al-'Asqalani (1993), *op.cit.*, h 61, lihat juga al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 237, lihat juga al-Sindi (1997), *op.cit.*, j 3 h 23.

132 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 372.

133 Al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 237.

134 Abi Dawud, *op.cit.*, hadith nombor 3460, h 1481, Al-Tirmidhi, *op.cit.*, hadith nombor 1231, h 1774, Al-Nasa'i, *op.cit.*, hadith nombor 4636, h 2386.

135 Al-Mubarakfuri, *op.cit.*, j 4 h 357.

136 *Ibid.*, h 361, lihat juga al-Suyuti *et. al.* (1999) *op.cit.*, j 4 h 265.

dengan harga dua puluh dirham secara hutang”, maka jual beli tersebut sah.¹³⁷

Imam al-Shafi’i menjelaskan antara makna jual beli ini ialah apabila penjual berkata, “Aku jual kepada kamu rumahku dengan sekian harga dengan syarat kamu menjual kepada aku hamba kamu dengan sekian harga.”¹³⁸

Kedua-dua jenis jual beli yang telah disebutkan di atas adalah dilarang dalam Islam kerana termasuk dalam jual beli *gharar*. Jenis jual beli yang pertama dilarang kerana tidak ada ketetapan harga terhadap sesuatu barang manakala jenis jual beli yang kedua dilarang kerana termasuk dalam jual beli bersyarat. Apabila jual beli bersyarat berlaku, syarat yang ditetapkan tidak wajib ditunaikan menyebabkan terbatal jual beli yang disyaratkan tadi dan menjadikan jual beli yang pertama adalah sah tetapi membawa kepada ketidaktahuan harga barang tersebut.¹³⁹

Gharar dalam kedua-dua jual beli wujud sama ada ketidaktahuan dalam menentukan jenis jual beli yang digunakan antara jual beli secara tunai atau hutang dalam jual beli pertama atau ketidakpastian dalam memperoleh barang jualan kerana terdapat syarat pembeli mesti menjual dahulu barang yang diminta kepada penjual sebelum memperoleh barang yang dibelinya dalam jual beli yang kedua.

6. Bay’ wa Salaf¹⁴⁰

Bay’ wa salaf ialah gabungan jual beli dengan *salaf*. *Salaf* ialah hutang dan kombinasi ini memberi maksud larangan jual beli dengan syarat pembeli memberi hutang kepada penjual seperti kata penjual, “Aku jual kepada kamu pakaian ini dengan harga sepuluh dirham dengan syarat kamu beri hutang kepada aku sepuluh dirham”. Jual beli ini juga berlaku apabila seseorang memberi hutang wang kepada seseorang yang lain kemudian pemberi hutang tadi membeli sesuatu daripada pemiutang dengan harga yang lebih tinggi daripada nilai sebenar barang tersebut.

137 Al-Mubarakfuri, *op.cit.*, j 4 h 357

138 *Ibid.*, h 358

139 *Ibid.*

140 Abi Dawud, *op.cit.*, hadith nombor 3504, h 1484, Al-Tirmidhi, *op.cit.*, hadith nombor 1234, h 1774, Al-Nasa’i, *op.cit.*, hadith nombor 4615, h 2386, hadith nombor 4633, h 2387, hadith nombor 4634, 4635, h 2387.

Salaf juga memberi maksud yang sama dengan *salam* seperti apabila seseorang memberi hutang beberapa dirham atau dinar kepada pemiutang dan penghutang meminjam sesuatu barang daripada pemiutang lalu berkata, "Sekiranya kamu tidak mampu untuk membayar balik hutang beberapa dirham atau dinar, maka barang tersebut terjual kepada aku dengan beberapa dirham atau dinar sebagai ganti". Ketiga-tiga jenis jual beli di atas adalah haram kerana setiap hutang yang memberi manfaat daripada hutang adalah haram.¹⁴¹

Jual beli ini dilarang kerana apabila syarat yang dimasukkan dalam akad terbatal, harga sebenar bagi sesuatu urusan niaga adalah tidak diketahui. Ketidaktahuan mengenai harga barang dan memasukkan syarat tambahan adalah sebab mengapa jual beli ini dilarang.¹⁴²

7. Bay' al-Mu'awamah (Bay' al-Sinin)¹⁴³

Jual beli *al-mu'awamah* juga dikenali dengan nama jual beli *al-sinin*. Jual beli ini berlaku apabila penjual menjual buah-buahan yang akan berbuah daripada pokoknya selama dua, tiga tahun atau lebih sedangkan hasilnya nanti masih belum pasti sama ada pokok tersebut berbuah atau tidak, dan kalau berbuah pun hasilnya masih belum pasti elok atau tidak.

Ibn Mundhir dan selainnya meriwayatkan bahawa jual beli ini *batil* dengan *ijma'* para ulama' kerana terdapat *gharar* dalamnya iaitu jual beli barang yang tidak wujud,¹⁴⁴ tidak diketahui, tidak dimiliki dan tidak mampu untuk diserahkan.¹⁴⁵ *'Illah* jual beli *al-mu'awamah* ialah *gharar* kerana jual beli *ma'dum* termasuk dalam *gharar* yang dilarang. Jual beli ini dilarang kerana *gharar* yang ada bukan kerana barang yang tidak wujud ketika akad berlaku.

141 Al-Mubarakfuri, *op.cit.*, j 4 h 361, lihat juga al-Suyuti *et. al.* (1999) *op.cit.*, j 4 h 265.

142 Ahmad Hidayat Buang (2000), *Studies In The Islamic Law of Contracts: The Prohibition of Gharar*, Kuala Lumpur: International Law Book Service, h 51.

143 Muslim, *op.cit.*, hadith nombor 3913, h 945, Abi Dawud, *op.cit.*, hadith nombor 3374, 3375, h 1476, Al-Nasa'i, *op.cit.*, hadith nombor 4535, h 2381, hadith nombor 4630, 4631, h 2386, Ibn Majah, *op.cit.*, hadith nombor 2218, h 2609.

144 Al-Suyuti *et. al.* (1999) *op.cit.*, j 4 h 234, lihat juga al-Mubarakfuri, *op.cit.*, j 4 h 234, lihat juga al-Sindi (1997), *op.cit.*, j 3 h 45.

145 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 411.

8. Bay' al-Mukhadarah¹⁴⁶

Jual beli *al-mukhadarah* ialah jual beli buah-buahan yang masih hijau. Maksud jual beli ini menurut hadith ialah jual beli buah-buahan dan biji-bijian sebelum jelas masak.¹⁴⁷ Maka termasuk dalam larangan ini hadith kedua daripada tajuk ini iaitu *bay' al-thimar hatta yabdu salahuha*.

Al-Isma'ili menambah dalam riwayatnya bahawa Yunus bin al-Qasim telah berkata jual beli *al-mukhadarah* ialah jual beli buah-buahan sebelum boleh dimakan dan jual beli tanaman sebelum masak. Al-Tahawi meriwayatkan 'Umar bin Yunus berkata bahawa bapanya telah mentafsirkan jual beli *al-mukhadarah* dengan katanya, "Jangan kamu beli buah kurma sehingga buah itu kemerah-merahan atau kekuning-kuningan".¹⁴⁸

Jual beli ini dilarang kerana mengandungi *gharar* iaitu penjual tidak mampu memastikan buah yang dibeli masak dan sempurna setelah berlalu masa.¹⁴⁹ Jual beli ini juga termasuk dalam jual beli *ma'dum* kerana buah yang dibeli walaupun telah ada tetapi masih belum masak. Pembeli membeli buah dengan maksud untuk mendapatkan buah yang telah masak sedangkan buah masih belum masak seolah-olah pembeli membeli sesuatu yang belum ada.

9. Bay' al-Mukhabarah¹⁵⁰

Al-mukhabarah dan *al-muzara'ah* hampir sama kerana kedua-duanya berkaitan dengan urusan tanah daripada bahagian-bahagian yang ditentukan. Pendapat jumhur ulama' dan Imam al-Shafi'i bahawa *al-muzara'ah* ialah pemilik tanah yang menaburkan benih manakala *al-mukhabarah* ialah petani yang menaburkan benih di atas tanah. Adapaun sebahagian yang lain dan ahli bahasa berpendapat kedua-duanya adalah sama sahaja.¹⁵¹

146 Al-Bukhari, *op.cit.*, hadith nombor 2208, h 171, Al-Nasa'i, *op.cit.*, hadith nombor 3914, h 2342.

147 Al-'Asqalani (1993), *op.cit.*, h 142.

148 *Ibid.*, h 143.

149 Al-'Asqalani (1993), *op.cit.*, h 127.

150 Al-Bukhari, *op.cit.*, hadith nombor 2381, 2383, 2384, h 186, hadith nombor 2186, 2187, h 170, Muslim, *op.cit.*, hadith nombor 3908, 3909, 3910, 3911, 3912, h 944, Abi Dawud, *op.cit.*, hadith nombor 3404, 3405, h 1478, Al-Tirmidhi, *op.cit.*, hadith nombor 1224, h 1773, Al-Nasa'i, *op.cit.*, hadith nombor 3894, 3895, 3896, 3901, 3910, 3911, 3913, 3914, 3915, 3916, 3917, 3918, 3921, 3922, 3924, h 2341-2343.

151 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 410, lihat juga al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 258.

Jumhur berpendapat, perkataan *al-mukhabarah* pecahan daripada perkataan *al-khabar* yang bermaksud *al-akar* (pembajak) iaitu petani.¹⁵² Ini menunjukkan bahawa *al-mukhabarah* ialah sistem sewaan tanah di mana tuan tanah akan menyewakan tanah dengan penyewa atau petani akan mengurus dan mengusahakan tanah tersebut tanpa campurtangan daripada tuan tanah.

Jual beli ini dilarang kerana cara bayaran sewa petani kepada tuan tanah. Mengikut kaedah *al-mukhabarah*, petani akan membayar sewa tanah seperti satu pertiga, satu perempat dan sebagainya daripada sebahagian hasil tanaman¹⁵³. Bayaran sewa menjadi *gharar* kerana tidak dapat ditentukan jumlah sebenar bayaran sewa. Kuantiti dan jumlah bayaran adalah syarat sah sesuatu jual beli untuk mengelakkan berlakunya perselisihan antara penyewa dan tuan tanah kerana jumlah bayaran yang *majhul* adalah termasuk dalam *gharar* yang dilarang.

10. Bay' al-Muhaqalah¹⁵⁴

Terdapat beberapa pendapat mengenai jual beli *al-muhaqalah* antaranya ialah jual beli makanan yang masih dalam tangkai dengan bijian sebagai tukaran,¹⁵⁵ menyewakan tanah dengan gandum sebagai bayaran, perkongsian hasil tanaman antara tuan tanah dengan pekerja seperti sepertiga, satu perempat atau jual beli tanaman sebelum masak.¹⁵⁶

Sebab jual beli ini dilarang kerana ia adalah barang makanan yang disukai (sebahagian sarjana menyatakan makanan tersebut ialah jagung),¹⁵⁷ tidak boleh ditukar melainkan dengan jenis yang sama dan dalam satu masa. *Gharar* yang terdapat dalam jual beli ini ialah ketika berlaku pertukaran barang, tidak dapat ditentukan barang mana satu yang lebih banyak¹⁵⁸ kerana ianya termasuk dalam barang *ribawi*.

152 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 410.

153 *Ibid.*, h 418.

154 Sila lihat takhrij hadith *bay' al-mukhabarah*.

155 Al-'Asqalani (1993), *op.cit.*, h 142.

156 Al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 259.

157 Ahmad Hidayat Buang (2000), *op.cit.*, h 57.

158 Al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 259.

11. Bay' al-Muzabanah¹⁵⁹

Imam al-Bukhari mentakrifkan jual beli *al-muzabanah* sebagai *bay' al-tamr bi al-thamar* iaitu jual beli kurma kering dengan *rutab* (kurma basah) dan *bay' al-zabib bi al-karm* iaitu jual beli kismis atau anggur kering dengan anggur. Perkataan *al-thamar* hanya merujuk kepada *rutab* sahaja tidak kepada buah-buahan yang lain kerana buah-buahan yang lain boleh dijual beli dengan kurma kering.¹⁶⁰ Imam al-Shafi'i memasukkan dalam jual beli semua jual beli barang yang tidak diketahui dengan barang yang tidak diketahui atau barang yang tidak diketahui dengan barang yang diketahui daripada jenis barangan *ribawi*. Imam Malik meluaskan skop jual beli *al-muzabanah* dengan memasukkan semua jual beli yang tidak diketahui berat dan timbangannya sama ada daripada barangan *ribawi* atau bukan.¹⁶¹

Ulama' menyatakan sebab dilarang jual beli ini ialah kerana terdapat unsur pertaruhan dan *gharar* iaitu penjual tidak dapat menentukan kuantiti yang tepat barang jualan seperti kurma basah dan anggur yang masih belum dipetik.¹⁶² 'Illah kepada larangan jual beli barang *ribawi* ialah ketidaksamaan sukatan dan timbangan serta *gharar* manakala 'illah kepada larangan jual beli barang bukan *ribawi* ialah *gharar* yang timbul daripada ketidakpastian terhadap kadar dan kuantiti barang jualan.

12. Bay' al-Thunya¹⁶³

Al-thunya bermaksud kecuali. Maksud kecuali dalam jual beli ini ialah terdapat pengecualian yang *majhul* (tidak diketahui) dalam sesuatu jual beli sebagai contoh jika penjual berkata kepada pembeli, "Aku jual kepada kamu longgokan barang ini kecuali sebahagian daripadanya" atau "Aku jual kepada kamu pokok-pokok ini kecuali sebahagian daripadanya". Jual beli ini tidak sah kerana barang yang dikecualikan adalah tidak ditentukan dan tidak diketahui secara tepat.¹⁶⁴

159 Sila lihat takhrij hadith *bay' al-mukhabarah*.

160 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 403.

161 Al-'Asqalani (1993), *op.cit.*, h 105.

162 *Ibid.*, h 106.

163 Muslim, *op.cit.*, hadith nombor 3913, h 945, Abi Dawud, *op.cit.*, hadith nombor 3405, h 1478, Al-Tirmidhi, *op.cit.*, hadith nombor 1290, h 1781, Al-Nasa'i, *op.cit.*, hadith nombor 4637, 4638, h 2386.

164 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 411, lihat juga Al-Mubarakfuri, *op.cit.*, j 4 h 426, lihat juga Al-Suyuti *et. al.*, (1999) *op.cit.*, j 4 h 275, lihat juga al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 258.

Sekiranya barang yang dikecualikan itu ditentukan dan diketahui dengan jelas, maka sepakat ulama' berpendapat bahawa jual beli tersebut adalah sah.¹⁶⁵ Sebagai contoh kata penjual kepada pembeli, "Aku jual kepada kamu semua pokok-pokok ini kecuali pokok ini" iaitu penjual menentukan dengan jelas pokok atau barang mana yang tidak dijual.

13. *Bay' al-'Urban*¹⁶⁶

Bay' al-'urban atau juga disebut *bay' al-'arban* ialah jual beli yang memerlukan pembeli membayar wang pendahuluan sebagai simbolik kepada persetujuan membeli sesuatu barang. Sekiranya berlaku urus niaga tadi, maka wang pendahuluan termasuk dalam harga barang tetapi sekiranya pembeli membatalkan urus niaga tersebut, wang pendahuluan dianggap hangus dan menjadi milik penjual.¹⁶⁷

Berkata al-Zarqani, jual beli seperti ini *batil* di sisi para ulama' feqah kerana mengandungi syarat dan *gharar*.¹⁶⁸ Berkata Ibn Rushd, jumhur ulama' melarang jual beli ini kerana termasuk dalam bab *gharar* dan *mukhatarah* serta memakan harta orang lain tanpa berlaku pertukaran. *Gharar* dalam jual beli ini berlaku kerana kedua-dua penjual dan pembeli tidak tahu adakah akan terlaksana jual beli tersebut atau tidak dan sekiranya tidak berlaku jual beli, wang pendahuluan pembeli akan hangus dan ini termasuk dalam memakan harta orang lain dengan cara yang salah tetapi sekiranya pembeli membatalkan jual beli dan wang pendahuluan dikembalikan kepadanya, maka jual beli seperti ini sah kerana ia termasuk dalam *bay' bi al-khiyar* dengan pembeli mendahulukan sebahagian daripada harga barang jualan.

165 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 411, lihat juga Al-Mubarakfuri, *op.cit.*, j 4 h 426, lihat juga al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 258.

166 Abi Dawud, *op.cit.*, hadith nombor 3502, h 1483, Ibn Majah, *op.cit.*, hadith nombor 2192, 2193, h 2608.

167 Al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 73, lihat juga Al-Sindi (1997), *op.cit.*, j 3 h 32.

168 *Ibid.*, h 74.

14. Bay' Ma Laysa 'Indahu¹⁶⁹

Jual ini bererti jual beli barang yang bukan milik penjual ketika akad. Jual beli lain yang termasuk dalam jual beli ini ialah jual beli hamba yang lari, jual beli barang yang belum dimiliki sepenuhnya dan jual beli menggunakan wang orang lain tanpa kebenaran tuan wang tersebut.¹⁷⁰ Tegahan Nabi s. 'a.w supaya jangan berjual beli dengan barang yang bukan milik penjual atau pembeli menunjukkan haram berjual beli dengan menggunakan barang orang lain.¹⁷¹

Gharar dalam jual beli ini ialah kerana penjual tidak mampu menyerahkan barang jualan kepada pembeli. Menjual dengan barang yang bukan milik sepenuhnya penjual atau menjual barang yang tidak ada pada penjual seperti menjual unta yang lari dan tidak diketahui tempat unta tersebut menyebabkan penjual tidak mampu menyerahkannya kepada pembeli dan termasuk dalam *gharar* yang dilarang.

15. Bay' al-Maghanim¹⁷²

Jual beli *al-maghanim* ialah jual beli harta rampasan perang iaitu jual beli harta rampasan perang sebelum harta tersebut diagih-agihkan kepada tentera-tentera yang terlibat dalam sesuatu peperangan. Jual beli ini dilarang kerana harta rampasan tersebut belum selesai dibahagi dan ditentukan.¹⁷³

Berkata al-Qari: Jual beli ini dilarang kerana penjual masih belum memiliki barang tersebut bagi sesiapa yang berpegang kepada larangan tersebut kerana belum dibahagikan manakala bagi sesiapa yang berpendapat pemilikan telah berlaku sebelum pembahagian, jual beli ini tetap dilarang kerana penjual tidak mengetahui sifat dan barang-barang yang dijualnya sekiranya harta rampasan perang tersebut terdiri daripada berbagai-bagai barang.¹⁷⁴ Ini bermaksud jual beli berlaku sedangkan penjual masih belum memiliki sepenuhnya dan tidak mengetahui barang jualan itu.

169 Abi Dawud, *op.cit.*, hadith nombor 3503, 3504, h 1483-1484, Al-Tirmidhi, *op.cit.*, hadith nombor 1232, 1233, 1234, 1235, h 1774, Al-Nasa'i, *op.cit.*, hadith nombor 4615, 4616, 4617, h 2386, Ibn Majah, *op.cit.*, hadith nombor 2187, 2188, h 2608.

170 Al-Mubarakfuri, *op.cit.*, j 4 h 360, lihat juga al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 75, lihat juga al-Sindi (1997), *op.cit.*, j 3 h 30, lihat juga al-Suyuti *et. al.*, (1999) *op.cit.*, j 4 h 265.

171 Al-Mubarakfuri, *op.cit.*, j 4 h 360.

172 Al-Tirmidhi, *op.cit.*, hadith nombor 1563, h 1813, Ibn Majah, *op.cit.*, hadith nombor 2196, h 2608.

173 Al-Sindi (1997), *op.cit.*, j 3 h 35.

174 Al-Mubarakfuri, *op.cit.*, j 5 h 150.

Jual beli ini dilarang kerana penjual masih belum memiliki sepenuhnya barang rampasan yang diagih-agihkan menyebabkan penjual tidak mampu menyerahkan barang jualan kepada pembeli. Ketidakmampuan menyerahkan barang jualan kepada pembeli termasuk dalam *gharar* yang dilarang.

16. Bay' al-Sadaqat¹⁷⁵

Jual beli *al-sadaqat* ialah jual beli barang-barang yang disedekahkan kepada orang yang berhak menerima sedekah. Jual beli seperti ini dilarang sama seperti jual beli *al-maghanim*¹⁷⁶ iaitu jual beli barang berlaku sebelum barang tersebut sampai kepada tangan orang yang berhak menerima sedekah tadi. Ini juga termasuk dalam jual beli barang yang tidak dimiliki sepenuhnya oleh penjual.

Bay'al-sadaqat sama juga seperti *bay' al-maghanim* kerana penjual tidak mampu menyerahkan barang jualan kepada pembeli dan ianya termasuk dalam *gharar* yang dilarang.

17. Bay' Darbah al-Gha'is¹⁷⁷

Jual beli ini berlaku apabila seseorang berkata kepada seorang yang lain, "Aku menyelam ke dalam laut dan apa-apa yang aku dapat daripada dalam laut, maka barang tersebut terjual kepada kamu dengan sekian harga."¹⁷⁸ Jual beli ini dilarang kerana barang yang hendak dijual tidak diketahui sama ada kepada penjual mahupun pembeli.

Barang yang akan terjual adalah *majhul* dan menjual barang yang *majhul* adalah termasuk dalam *gharar* yang dilarang.

18. Bay' 'Asb al-Fahl¹⁷⁹

Jual beli *'asb al-fahl* atau dikenali juga dengan nama *dirab al-jamal* ialah jual beli sperma haiwan jantan sama ada kuda, unta, kambing gurun (*'asb al-tis*) atau selainnya. Ulama' berbeza pendapat pada mendefinisikan jual beli ini. Sebahagian berpendapat jual beli sperma haiwan jantan manakala

175 Sila lihat takhrij *bay' al-maghanim*.

176 Ahmad Hidayat Buang (2000), *op.cit.*, h 59.

177 Sila lihat takhrij *bay' al-maghanim*.

178 Al-Sindi (1997), *op.cit.*, j 3 h 35.

179 Al-Bukhari, *op.cit.*, hadith nombor 2284, h 177, Abi Dawud, *op.cit.*, hadith nombor 3429, h 1479, Al-Tirmidhi, *op.cit.*, hadith nombor 1273, h 1779, Al-Nasa'i, *op.cit.*, hadith nombor 4675, h 2389, Ibn Majah, *op.cit.*, hadith nombor 2160, h 2606.

sebahagian lagi berpendapat sewa haiwan jantan untuk berjima' dengan haiwan betina bagi mendapatkan benih.¹⁸⁰ Kedua-dua pendapat di atas memberikan maksud yang sama iaitu aktiviti menyewakan haiwan jantan untuk mendapatkan benih yang baik termasuk juga dalam lingkungan jual beli iaitu jual beli manfaat juga untuk tujuan yang sama iaitu untuk mendapatkan benih atau sperma haiwan jantan tadi.

Ulama' berbeza pendapat pada keharusan menyewakan binatang untuk tujuan ini kepada dua pendapat. Pertama: Pendapat Imam al-Shafi'i, Imam Abu Hanifah, Imam Abu Thur dan selainnya menghukumkan *batil* dan haram kerana terdapat *gharar* iaitu barang tidak diketahui dan tidak mampu untuk diserahkan.¹⁸¹ Kedua: Pendapat sebahagian sahabat, tabi'in, Imam Malik dan selainnya harus menyewakan dalam tempoh yang tertentu kerana keperluan yang mendesak.¹⁸²

Gharar yang wujud dalam jual beli ini ialah barang yang dijual *majhul* sifatnya dan dilarang berdasarkan kepada hadith Nabi s.a.w yang telah diriwayatkan.

Jadual 1.1: Taburan sebab-sebab *gharar* mengikut jenis jual beli:

Bil	Jenis jual beli	Sebab-sebab <i>gharar</i>
1.	<i>Bay' al-hasah</i>	1. Barang yang dijual <i>majhul</i> 2. Tempoh masa jualan <i>majhul</i> 3. Syarat lontaran (pergerakan) sebagai jualan
2.	<i>Bay' habal al-habalah</i>	1. Bayaran bertanggung <i>majhul</i> 2. Barang yang dijual <i>ma'dum</i> 3. Barang yang dijual <i>majhul</i> 4. Barang tidak dimiliki penjual 5. Barang tidak mampu diserahkan
3.	<i>Bay' al-mulamasah</i>	1. Barang yang dijual <i>majhul</i>
4.	<i>Bay' al-munabadhah</i>	2. Syarat tanpa lihat barang 3. Syarat tanpa <i>khiyar/majlis</i> 4. Syarat tanpa <i>sighah</i> akad
5.	<i>Bay'atayn fi bay'ah</i>	1. Harga barang <i>majhul</i> 2. Pembelian bersyarat

180 Al-'Asqalani (1993), *op.cit.*, h 253.

181 Al-'Asqalani (1993), *op.cit.*, h 253, lihat juga al-'Azim al-Abadi, *op.cit.*, j 5 h 11.

182 Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, *op.cit.*, j 5 h 445.

6.	<i>Bay' wa salaf</i>	1. Harga barang <i>majhul</i> 2. Pembelian bersyarat
7.	<i>Bay' al-mu'awamah</i>	1. Barang yang dijual <i>ma'dum</i> 2. Barang yang dijual <i>majhul</i> 3. Barang tidak dimiliki penjual 4. Barang tidak mampu diserahkan
8.	<i>Bay' al-mukhadarah</i>	1. Barang tidak mampu diserahkan
9.	<i>Bay' al-mukhabarah</i>	1. Bayaran <i>majhul</i>
10.	<i>Bay' al-muhaqalah</i>	1. Kuantiti (timbangan) barang <i>majhul</i>
11.	<i>Bay' al-muzabanah</i>	1. Kuantiti (timbangan) barang <i>majhul</i>
12.	<i>Bay' al-thunya</i>	1. Barang yang dikecualikan <i>majhul</i> 2. Barang tidak ditentukan
13.	<i>Bay' al-'urban</i>	1. Pembelian bersyarat
14.	<i>Bay' ma laysa 'indah</i>	1. Barang tidak dimiliki penjual
15.	<i>Bay' al-maghanim</i>	1. Barang tidak dimiliki penjual 2. Barang yang dijual <i>majhul</i>
16.	<i>Bay' al-sadaqat</i>	1. Barang tidak dimiliki penjual
17.	<i>Bay' darbah al-gha'is</i>	1. Barang yang dijual <i>majhul</i>
18.	<i>Bay' 'asb al-fahl</i>	1. Barang yang dijual <i>majhul</i> 2. Barang tidak mampu diserahkan.

Jadual di atas menunjukkan sebab-sebab *gharar* mengikut jual beli yang telah diringkaskan dan dikumpulkan dalam satu rajah. Sebab-sebab *gharar* yang telah dikeluarkan akan pengkaji gunakan sebagai bahan dalam membentuk prinsip-prinsip *gharar* sebagai panduan kepada pengkaji.

Analisis Terhadap 'Illah

'Illah merupakan salah satu daripada rukun-rukun dalam perbahasan *al-Qias* yang merupakan sumber keempat hukum syara' yang disepakati oleh ulama' selepas al-Quran, hadith dan ijma' ulama'.

'Illah pada istilah mengikut pandangan Imam al-Syairazy ialah makna yang membawa kepada hukum¹⁸³ manakala Prof Dr. Wahbah al-Zuhaily mengatakan 'illah pada istilah ialah sifat yang terbina daripadanya

183 Al-Shayrazi, Imam Abi Ishaq Ibrahim bin Ali, *al-Luma' fi Usul al-Fiqh* (2008), Beirut: Dar Ibn Kathir, h 215.

hukum asal.¹⁸⁴ Dengan adanya sesuatu *'illah*, maka ia membawa kepada berlakunya sesuatu hukum. Hukum yang satu boleh disabitkan dengan dua, tiga atau lebih *'illah* seperti hukum bunuh boleh disabitkan dengan beberapa *'illah* seperti membunuh, berzina, dan murtad. Begitu juga sebaliknya iaitu *'illah* yang satu boleh membawa kepada beberapa hukum yang serupa seperti ihram adalah *'illah* kepada pengharaman persetubuhan antara suami dan isteri, pengharaman memakai wangi-wangian dan sebagainya. *'illah* yang satu juga boleh membawa kepada beberapa hukum yang berbeza seperti haid adalah *'illah* kepada pengharaman persetubuhan antara suami dan isteri serta ia juga *'illah* kepada dihalkalkan meninggalkan solat dan sebagainya tetapi *'illah* yang satu tidak boleh membawa kepada hukum-hukum yang berlawanan seperti haid adalah *'illah* kepada pengharaman persetubuhan dan menghalalkannya.

'illah diambil sama ada daripada dalil al-Quran, hadith, ijma' ummah atau diambil daripada instinbat para ulama'.¹⁸⁵

Ulama' telah menetapkan beberapa syarat dalam menentukan sesuatu perkara itu boleh menjadi *'illah* atau tidak. Syarat-syarat yang disepakati ialah *'illah* mesti bersifat dan bersesuaian dengan hikmah munasabah dengan hukum.¹⁸⁶ Munasabah bermaksud pada pandangan mujtahid sesuatu hukum terhasil daripada *'illah* tersebut, bukan selainnya. Syarat kedua ialah *'illah* mesti bersifat terang dan jelas¹⁸⁷ kerana sekiranya *'illah* bersifat tersembunyi atau sukar untuk dicari, tidak mungkin *'illah* tersebut dapat dipastikan kewujudannya dalam sesuatu hukum. Syarat ketiga ialah *'illah* mestilah bersifat konsisiten atau tetap¹⁸⁸ iaitu ia mestilah mempunyai hakikat tertentu dan terhad serta tidak mempunyai perbezaan yang banyak mengikut perbezaan keadaan dan seseorang. Syarat keempat ialah *'illah* mesti bersifat meliputi dan menyeluruh¹⁸⁹ iaitu *'illah* tersebut bukan hanya ada pada satu perkara atau hukum, bahkan ianya boleh diaplikasikan kepada sesuatu yang lain.

184 Wahbah al-Zuhaily (Prof Dr.), *Usul al-Fiqh al-Islamiy* (2001), Damsyiq: Dar al-Fikr, j 1, h 606.

185 Al-Shayrazi, *op.cit.*, h 223.

186 Wahbah al-Zuhaily, *op.cit.*, h 652.

187 *Ibid.*, h 654.

188 *Ibid.*, h 655.

189 *Ibid.*, h 656.

Contoh bagi 'illah yang memenuhi syarat di atas ialah 'illah safar (musafir) yang membolehkan seseorang menunaikan solat secara *jama'* dan *qasar*. Nas *rukhsah* solat *qasar* terdapat dalam Surah al-Nisa' ayat 101 sementara nas *rukhsah* solat *jama'* ialah melalui perbuatan baginda Nabi s.a.w. 'Illah kepada solat *jama'* dan *qasar* ialah bermusafir berdasarkan kepada al-Quran dan hadith.

'Illah ini memenuhi keempat-empat syarat yang telah ditetapkan oleh sebelum ini iaitu munasabah dan bersesuaian dengan hikmah supaya tidak meninggalkan solat. 'Illah ini jelas dan terang kerana permusafiran dan perjalanan yang dilakukan boleh dikesan dengan pancaindera serta 'illah ini tetap dan konsisiten berdasarkan jarak yang tetap. 'Illah ini juga bersifat meliputi dan menyeluruh apabila ianya boleh diaplikasikan seperti 'illah bemusafir juga digunakan dalam membenarkan orang berbuka puasa ketika bulan Ramadan.

'Illah larangan jual beli dalam kajian ini ialah *gharar*. 'Illah ini diambil daripada kefahaman terhadap ayat al-Quran yang melarang daripada memakan harta orang lain dengan cara yang salah dan juga daripada hadith-hadith yang menyebut secara langsung mengenai larangan jual beli *gharar*. Sepakat ulama', larangan jual beli yang disebutkan dalam hadith-hadith di atas adalah kerana mengandungi *gharar* sepertimana yang telah disebut oleh hadith dan ia memenuhi syarat-syarat 'illah.

'Illah ini memenuhi syarat-syarat di atas iaitu munasabah dan bersesuaian dengan hikmah supaya tidak ada jalan untuk memakan harta orang lain dengan cara yang salah dan 'illah ini jelas dan terang iaitu *gharar* berdasarkan kepada sebab-sebab berlakunya *gharar* dalam jual beli yang boleh dikesan dengan mudah. 'Illah ini bersifat tetap dan konsisten berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan ciri-ciri utama yang menyumbang kepada berlakunya *gharar* dan 'illah ini juga meliputi dan menyeluruh serta boleh diaplikasikan dalam apa-apa jual beli sama ada yang telah wujud atau belum wujud namanya tetapi mempunyai kaedah jual beli yang sama dengan prinsip *gharar*.

Analisis Terhadap Prinsip

Setelah pengkaji membuat analisis hukum-hukum jual beli daripada jual beli *gharar* dan mengeluarkan sebab-sebab sesuatu jual beli tersebut dilarang, dapatlah pengkaji simpulkan prinsip-prinsip *gharar* seperti yang berikut:

1. *Gharar* hanya berlaku pada akad pertukaran daripada harta (*'uqud al-mu'awadat al-maliyah*).¹⁹⁰

Hadith Nabi s.a.w datang dengan melarang jual beli *gharar* yang melibatkan pertukaran daripada harta seperti jual beli itu sendiri, sewaan, perkongsian dan sebagainya kerana asas dalam fiqh Islami ialah kebebasan akad. Pengkhususan larangan *gharar* dalam pertukaran daripada harta ini kerana ia boleh menimbulkan permusuhan dan pergaduhan serta perlakuan memakan harta dengan cara yang *batil*.

Manakala akad-akad yang lain seperti akad pemberian (*'uqud al-tabarru'at*) iaitu hadiah atau pemberian (*hibah*) dan sebagainya serta akad pertukaran bukan daripada harta (*'uqud al-mu'awadat ghayr al-maliyah*) iaitu pernikahan dan *khulu'* tidak termasuk dalam larangan *gharar* kerana ianya tidak menimbulkan pergaduhan dan perlakuan memakan harta dengan cara yang *batil*.

2. *Gharar* hanya dilarang pada akad yang mengandungi nisbah *gharar* yang banyak.¹⁹¹

Fuqaha' bersepakat bahawa *gharar* hanya dilarang pada akad yang mempunyai nisbah *gharar* yang banyak manakala akad yang mempunyai nisbah *gharar* yang sedikit tidak termasuk dalam *gharar* yang dilarang. Fuqaha' berbeza pendapat hanya pada akad yang mempunyai nisbah *gharar* yang sederhana seperti yang telah penulis jelaskan dalam bab yang pertama. Dalam menentukan kedudukan *gharar* yang sederhana sama ada termasuk dalam *gharar* yang banyak atau *gharar* yang sedikit, Dr. al-Sidiq al-Dharir¹⁹² telah meletakkan dua garis panduan dalam penentuan tersebut. Pertamanya, membiarkan *gharar* yang sederhana ini dalam keadaan yang fleksibel dengan menyerahkan kepada keadaan, zaman dan perbezaan pandangan yang akan menentukannya serta keduanya hanya meletakkan prinsip kepada *gharar* yang mempunyai nisbah yang banyak sahaja dan secara tidak langsung apa-apa akad yang tidak termasuk dalam prinsip *gharar* yang banyak tidak termasuk dalam larangan *gharar*.

3. *Gharar* hanya berlaku pada barang jualan yang asal (*al-ma'qud 'alayh asalah*).¹⁹³

190 Al-Dharir (1995), *al-Gharar wa Atharuhu fi al-'Uqud fi al-Fiqh al-Islamiy*, h 585.

191 *Ibid.*, h 587.

192 *Ibid.*, h 592-593.

193 *Ibid.*, h 595.

Gharar yang dilarang hanyalah kepada barang jualan yang asal iaitu barang jualan yang disepakati antara penjual dengan pembeli. Adapun *gharar* yang berlaku kepada barang yang dijual bersama atau pelengkap kepada barang jualan asal tidak termasuk dalam *gharar* yang dilarang kerana mengikut kaedah *fiqhiyyah* yang masyhur iaitu (يغتفر في التوابع ما لا يغتفر في غيرها) yang bermaksud “Dimaafkan kepada yang mengikut (pelengkap) apa yang tidak dimaafkan kepada selainnya.”

Contoh kepada jual beli seperti ini ialah jual beli kambing yang terdapat bersamanya susu dalam kantungannya. Jual beli yang disepakati ialah jual beli kambing manakala susu dalam kantungannya ialah pelengkap yang dijual bersama dan ianya sah menurut nas hadith yang menguatkan kaedah diatas. Kata Imam al-Nawawi, “Sepakat umat Islam mengharuskan jual beli haiwan yang terdapat susu dalam kantungannya walaupun susu tersebut tidak diketahui kuantitinya kerana susu tersebut mengikut kepada haiwan berdasarkan dalil daripada Sunnah iaitu hadith *al-Musarrah*.”

4. *Gharar* hanya berlaku kepada akad yang tidak membawa kepada hajat dan keperluan.¹⁹⁴

Asas syariah yang umum ialah mengangkat kesempitan daripada manusia berdasarkan firman Allah:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

“ *Dan (Dia) sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.*” (Surah al-Haj: 78).

Melarang manusia melakukan akad yang menjadi hajat dan keperluan manusia akan menyempitkan mereka. Oleh yang demikian, syariat Islam yang adil dan penuh dengan rahmat kepada manusia telah mengharuskan akad-akad yang menjadi hajat dan keperluan kepada mereka walaupun terdapat *gharar* padanya.

Imam al-Suyuti mentakrifkan hajat sebagai “*ia akan membawa seseorang kepada suatu keadaan kesusahan dan kesempitan jika tidak diharuskan perkara yang dilarang tersebut tetapi tidak membawa kepada kebinasaan.*”¹⁹⁵

194 *Ibid.*, h 600.

195 Al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' al-Shafi'iyah*, Kaherah: Dar al-Salam, h 213.

Contohnya seperti jual beli *salam* yang membawa kepada hajat dan keperluan kerana petani mungkin tidak ada wang yang boleh dimanfaatkan untuk mengusahakan tanahnya yang luas dan tidak ada sesiapa yang ingin melabur dalam pertaniannya. Oleh itu, keadaan seperti ini memerlukan suatu bentuk mu'amalat yang memungkinkan petani tersebut mendapatkan wang. Jika tidak, akan hilang daripadanya masalah pertaniannya yang akan membawa kepada kesusahan dan kesempitan. Justeru itulah, diharuskan jual beli *salam* ini.

5. *Gharar* hanya berlaku pada barang jualan yang *majhul*.

Barang jualan yang *majhul* terbahagi kepada beberapa bahagian:

Pertama: *Majhul jins, naw'* dan *sifat*.

Barang jualan yang tidak diketahui jenisnya (*jins* dan *naw'*) adalah tidak sah berdasarkan kepada sepakat para fuqaha' kerana mengandungi *gharar* yang banyak. Contohnya kata penjual, "Aku jual apa yang ada dalam guni ini dengan sepuluh dirham."

Adapun barang jualan yang tidak diketahui sifatnya (*sifat*), ulama' berbeza pendapat mengenainya. Namun, Dr. al Sidiq al Dharir berpendapat bahawa barang jualan dan harga barang mesti diketahui sifatnya untuk mengelakkan daripada *gharar*. *Khiyar al-ru'yah* tidak akan wujud kecuali pada akad yang telah sempurna syarat sahnya dan daripada syarat sah ialah menghilangkan *gharar*.¹⁹⁶ Termasuk dalam jual beli ini ialah *bay' al-mudamin*, *bay' al-malaqih* dan *bay' 'asb al-fahl*.

Kedua: *Majhul kadar* (kuantiti) barang jualan dan harga.

Barang jualan yang tidak diketahui kuantitinya dan harga yang tidak diketahui jumlahnya adalah tidak sah di sisi syara'. 'Illah kepada larangannya adalah kerana mengandungi *gharar*. Jual beli yang termasuk dalam kategori ini ialah *bay' al-muzabanah*, *bay' al-muhaqalah* dan *bay' al-mukhabarah*.

Ketiga: *Majhul tempoh masa*.

Tidak ada perbezaan antara para fuqaha' dalam mensyaratkan masa yang telah ditetapkan dalam jual beli bertempoh¹⁹⁷ kerana tempoh masa yang tidak ditetapkan merupakan *gharar* yang dilarang dalam jual beli.

Contoh kepada jual beli ini ialah *bay' habal al-habalah* pada tafsiran yang pertama iaitu bayaran akan dibuat setelah anak unta yang dilahirkan

196 Al-Dharir, *al-Gharar fi al-'Uqud wa Atharuhu fi al-Tatbiqat al-Mu'asarah*, h 21.

197 *Ibid.*, h 27.

melahirkan pula anaknya. Masa bayaran yang tidak ditetapkan menjadikan jual beli termasuk dalam jual beli *gharar* yang dilarang.

6. *Gharar* hanya berlaku pada barang jualan yang *ma'dum*.

Jual beli barang yang *ma'dum* ketika akad berlaku menunjukkan bahawa barang jualan tersebut adalah *majhul* pada masa akan datang sama ada barang tersebut wujud atau tidak. Maka jual beli seperti ini adalah dilarang.

Contoh kepada jual beli ini ialah *bay' habal al-habalah* pada tafsiran yang kedua iaitu jual beli anak unta yang hamil. Anak unta yang masih dalam kandungan boleh jadi selamat dilahirkan dan boleh jadi tidak selamat dilahirkan atau mati sebelum dilahirkan. Termasuk dalam jual beli ini ialah *bay'al-mukhadarah* iaitu *bay' al-thimar hatta yabdu salahuha* dan *bay' al-mu'awamah*.

Namun, terdapat sesetengah jual beli *ma'dum* yang diharuskan kerana menggunakan kaedah *istihsan* seperti *bay' al-salam* dan *bay' al-istisna'* jika barang jualan diyakini wujud mengikut adat pada masa akan datang.

7. *Gharar* hanya berlaku pada barang jualan yang tidak mampu diserahkan.

Kemampuan dalam menyerahkan barang jualan juga termasuk dalam syarat sah jual beli. Tidak sah menjual barang yang tidak mampu diserahkan seperti menjual unta yang lari dan tidak diketahui tempatnya kerana terdapat termasuk dalam jual beli *gharar*.

Termasuk dalam jual beli ini ialah *bay'ma laysa 'indahu*, jual beli barang yang belum dimiliki sepenuhnya seperti *bay'al-maghanim*, *bay'al-sadaqat* dan *bay'asb al-fahl*.

Kesimpulan

Perbincangan mengenai jual beli *gharar* di kalangan ulama' hadith atau dikenali dengan *fiqh al-hadith* tidak hanya tertumpu kepada pendapat ulama' hadith semata-mata, bahkan perbincangan tersebut tidak terlepas daripada mendatangkan pendapat ulama' feqah daripada setiap mazhab sama ada pendapat empat mazhab yang masyhur iaitu pendapat mazhab Maliki, Hanafi, Shafi'i dan Hanbali atau pendapat para sahabat seperti Ibn 'Umar juga pendapat tabi'in seperti Sa'id bin al-Musayyab.

'*Illah gharar* dalam larangan jual beli merupakan '*illah* yang menepati syarat-syarat '*illah* dan disepakati oleh ulama' kerana kewujudannya dalam sesuatu kontrak jual beli boleh dikesan kerana terdapat

banyak contoh-contoh jual beli seperti ini semenjak zaman jahiliyyah lagi sehingga ke hari ini.

Prinsip-prinsip *gharar* yang telah dikeluarkan adalah berdasarkan kepada sebab-sebab sesuatu jual beli itu dilarang yang diambil daripada pendapat-pendapat ulama' setelah dibuat kesimpulan daripada hadith-hadith *gharar*. Prinsip-prinsip yang dikeluarkan ini adalah untuk memastikan supaya setiap urusan niaga atau jual beli yang berlaku tidak terlibat dalam *gharar* yang telah dilarang oleh Islam melalui hadith-hadith Nabi s.a.w yang sah.

'*Illah* dan prinsip-prinsip *gharar* mempunyai kaitan yang rapat apabila prinsip-prinsip yang terbina melengkapinya syarat '*illah* dalam memastikan '*illah gharar* sentiasa tetap dan konsistensinya.

Bibliografi

- Abdullah Bin Nasir Al-Silami (Dr) (2004), *Al-Ghish Wa Atharuhu Fi Al-'Uqud*, Arab Saudi: Dar Kunuz Ishbiliah.
- Abi Daud, Sulayman bin al-Asy'as al-Sajistani (2000), *Sunan Abi Dawud* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ahmad Hidayat Buang (2000), *Studies In The Islamic Law of Contracts: The Prohibition of Gharar*, Kuala Lumpur: International Law Book Service.
- al-'Asqalani, Ibn Hajar (1993), *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari* (1993), Kaherah: Dar al-Ghad al-'Arabi.
- al-'Azim al-Abadi, Abi Tayyib Muhammad Shams al-Haq (2007), '*Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il (2000), *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min 'Umur Rasulillah s.'a.w wa Sunanihi wa Ayyamihi* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Dharir, Al-Sidiq Muhammad al-Amin (1993), *al Gharar fi al 'Uqud wa Atharuhu fi al-Tatbiqat al-Mu'asarah*, cet. pertama, Jeddah: Ma'had al-Islami li al-Buhuth wa al-Tadrib al-Bank al-Islami li al-Tanmiyah.
- _____ (1995), *al-Gharar wa Atharuhu fi al-'Uqud fi al-Fiqh al-Islamiy*, cet. kedua, Beirut: Dar al-Jayl.
- Al-Khalil al-Nahwa (1991), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Muyassar*, Tunisia: Larousse.
- al-Mubarakfuri, Abi al-'Ula Muhammad Abd al-Rahman ibn Abd al-Rahim, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'ib bin 'Ali (2000), *Sunan al-Nasa'i dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

al-Nawawi, Mahyuddin Abi Zakaria Yahya bin Sharaf, *al-Majmu'*, Kaherah: Dar al-Dhahabiyah.

_____ *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Kaherah: Dar al-Dhahabiyah.

al-Qaradawi, Yusuf (Prof. Dr.), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

al-Razi, Al-Tahir Ahmad, *Tartib al-Qamus al-Muhit*. Kaherah: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Sharikahu.

al-Razi, Muhammad bin Abu Bakr bin Abdul Qadir (666 H), *Mukhtar al-Sihah* (1967). Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.

Al-Shayrazi, Imam Abi Ishaq Ibrahim bin Ali, *al-Luma' fi Usul al-Fiqh* (2008), Beirut: Dar Ibn Kathir.

al-Sindi, Abi al-Hasan al-Hanafi al-Ma'ruf bi (1997), *Sunan Ibn Majah bi Sharh al-Imam al-Sindi*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

al-Suyuti, Jalal al-Din wa Abi al-Hasan al-Hanafi al-Ma'ruf bi al-Sindi (1999), *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Imamayn al-Suyuti wa al-Sindi*, Kaherah: Dar al-Hadith.

_____ (2004), *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*, Kaherah: Dar al-Hadith.

_____ *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' al-Shafi'iyyah*, Kaherah: Dar al-Salam.

al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa (2000), *Jami' al-Tirmidhi dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

al-Zuhayli, Wahbah (Prof. Dr.), (1989), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, cet. Ketiga, Damsyik: Dar al-Fikr.

_____ (2001) *Usul al-Fiqh al-Islamiy*, Damsyiq: Dar al-Fikr.

Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwayni (2000), *Sunan Ibn Majah dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Ibn Manzur, *Lisan al 'Arab* (1994). Beirut: Lubnan.

Ibrahim Anis, Dr. (et al.), *al-Mu'jam al-Wasit*. j 2, t.pn.: t.tp.

Mahmud Abd Rahman Abd Mun'im, (Dr.), *Mu'jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah* (1999). Kaherah: Dar al-Fadilah.

Mahmud al-Tahhan, (Dr.) (2004), *Taysir Mustalah al-Hadith*, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasr wa al-Tawzi'.

Muslim bin al Hajjaj al-Naysaburi (2000), *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min al-Sunan bi Naql al-'Adl 'an Rasulillah s.'a.w* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Uthman bin Haji Khalid (*et al.*), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Wan Marhaini Wan Ahmad (*et al.*), *Riba dan Gharar Dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh*, *Jurnal Fiqh Bil.2* (2005).

